



يوتيزوسي تي كيمسات مليسيا

JABATAN BENDAHARI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM, BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
TELEFON 89215120 / 3553.
FAX 89215693 / 89253058

21

Bahagian Perolehan dan Bayaran

Rujukan : UKM3.1/224/8 Jld. VII
6 Mei 2003

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2003

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Jabatan Pentadbiran
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan

PROSES PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN UNTUK PESANAN RASMI (BPPR)

Dengan hormatnya dimaklumkan borang Permohonan Untuk Pesanan Rasmi (BPPR) merupakan borang yang digunakan oleh fakulti/jabatan dan dihantar ke Jabatan Bendahari untuk disediakan Pesanan Rasmi kepada pembekal atau kontraktor.

Untuk melicinkan lagi proses penerimaan borang ini di Jabatan Bendahari, setiap permohonan hendaklah **dihantar terus** ke Bahagian yang memproses permohonan ini iaitu di **Unit Perolehan , Bahagian Perolehan dan Bayaran Jabatan Bendahari**. Tidak perlulah dihantar melalui Pusat Pengagihan Mel di Jabatan Pendaftar. Ini bagi mempercepatkan lagi penerimaan borang penerimaan tersebut di Unit Perolehan.

Pihak fakulti/jabatan juga hendaklah **mengecop tarikh penerimaan** sebutharga daripada pembekal atau kontraktor disebutharga berkenaan bertujuan untuk memudahkan pemantauan bagi proses perolehan Universiti.

Sehubungan dengan itu sukacita Ybhg Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memaklumkan pekeling ini kepada Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan yang berada di bawah pentadbiran Ybhg Dato'/Datin/Tuan/Puan

Sekian terima kasih.

Yang benar



MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k. - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan) UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UKM
 - Pendaftar, UKM